

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
KAWASAN : KOTA KINABALU
TARIKH : 23 MEI 2016, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai nama projek, kos projek, nama syarikat kontraktor, status terkini, tarikh projek mula dan siap bagi projek pembinaan dan naik taraf jalan raya di seluruh Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat 26 projek di negeri Sabah dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.2 bilion yang telah diluluskan dalam Rolling Plan Pertama (2016 – 2017), RMKe-11 di bawah P27: Kementerian Kerja Raya. Senarai ini tidak termasuk projek membina Lebuhraya Pan Borneo Sabah yang dilaksanakan menerusi kaedah Rakan Pelaksana Projek (PDP) - melibatkan anggaran kos projek sebanyak RM12.86 bilion. Maklumat mengenai senarai projek-projek RMKe-11 di Sabah itu ialah seperti di **lampiran**.

Sekian. Terima kasih.

LAMPIRAN

BIL	NAMA PROJEK	KOS KESELURUHAN (RM)
1	MENAIKTARAF JALAN LINTAS, KOTA KINABALU TERMASUK TIGA PERSIMPANGAN BERTINGKAT (FASA 2): (1) PERSIMPANGAN JALAN PENAMPANG BYPASS (2) PERSIMPANGAN JALAN LIDO; (3) PERSIMPANGAN LINTAS PLAZA Tarikh Mula: Jan. 2016 Tarikh Rancang Siap: Julai 2018 Kontraktor: Pembinaan Azam Jaya Sdn. Bhd	300,000,000
2	PEMBINAAN 2 BUAH JAMBATAN COMPACT BAILEY 200 KE ATAS JALAN MENUJU KE MESILAU NATURE RESORT, KUNDASANG, SABAH (GEMPA BUMI) Status: Peringkat Reka Bentuk. (Projek akan dilaksanakan oleh MINDEF)	15,000,000
3	MEMBINA JALAN LIBARAN BYPASS DI SANDAKAN, Sabah Tarikh Mula: Okt. 2014 Tarikh Rancang Siap: Okt. 2016 Kontraktor: Jeramaju Sdn. Bhd.	370,000,000
4	NAIKTARAF JALAN TAWAU - SEMPORNA DARI PERSIMPANGAN LAPANGAN TERBANG TAWAU KE PEKAN SEMPORNA (FASA 1) Tarikh Mula: Mac 2014 Tarikh Rancang Siap: Sept. 2016 Kontraktor: Tangkal Jaya Azam Jaya	170,000,000
5	KERJA-KERJA PEMBAIKAN CERUN AKIBAT BENCANA ALAM DI JALAN KOTA KINABALU - KENINGAU - TENOM DAN JALAN KOTA KINABALU - KUDAT, Sabah Melibatkan 11 kontrak berasingan. Status semasa: pelbagai (siap; dibina; perancangan)	85,500,000
6	MEMBINA SEMULA CERUN-CERUN DI KM15.70 DAN KM50.37, JALAN MEROTAI KE KALABAKAN, TAWAU, Sabah Status: Peringkat Reka Bentuk.	25,000,000
7	PEMBINAAN PROJEK PERSIMPANGAN BERTINGKAT DAN LORONG KETIGA DI BANDARAYA KOTA KINABALU, SABAH Tarikh Mula: Jan. 2015 Tarikh Rancang Siap: Julai 2017 Kontraktor: Pembinaan Azam Jaya Sdn. Bhd	252,000,000
8	NAIKTARAF JALAN DARI DONGGONGON KE SIMPANG JALAN PAPAR SPUR, SABAH (PAKEJ 1) Tarikh Mula: Mac 2014 Tarikh Rancang Siap: Nov. 2016 Kontraktor: 2 kontrak berasingan - Pembinaan Kerjadi Sdn. Bhd & Lintasan Korporat Sdn. Bhd.	233,00,000

BIL	NAMA PROJEK	KOS KESELURUHAN (RM)
10	NAIKTARAF JALAN DARI DONGGONGON KE SIMPANG JALAN PAPAR SPUR (REKABENTUK)	15,783,012
11	MENAIKTARAF JALAN DARI DONGGONGON KE SIMPANG JALAN PAPAR SPUR (PAKEJ 2 & 3), Sabah Tarikh Mula: Feb. 2016 Tarikh Rancang Siap: Ogos 2018 Kontraktor: Juta Hajat Sdn Bhd.	380,000,000
12	PEMBAIKAN CERUN DAN JALAN DARI RANAU KE TAMBUNAN FASA 2B Tarikh Mula: April 2015 Tarikh Siap: Mac 2017 Kontraktor: Perwira Progresif Construction Sdn Bhd.	179,500,000
13	MEMBINA JALAN KOTA MARUDU - MARAK PARAK - MELINSAU - PORING - RANAU, SABAH PAKEJ 3A (SUB-PAKEJ 2, 3 & 4) Tarikh Mula: April 2015 Tarikh Siap: Julai 2015 Kontraktor: Perwira Progresif Construction Sdn Bhd.	117,000,000
14	MENAIKTARAF JALAN LAHAD DATU -TAWAU DAN JALAN LAHAD DATU - SANDAKAN KE TAHAP 2 LORONG SETIAP HALA (NAIKTARAF JALAN SEGAMA, FASA 1) Tarikh Mula: Ogos 2014 Tarikh Siap: Sept. 2016 Kontraktor: Kini Unggul Sdn. Bhd.	108,000,000
15	PEMBAIKAN CERUN-CERUN JALAN KOTA KINABALU - SANDAKAN (LALUAN PERSEKUTUAN 22) DI KM42.30, KM83.90, KM92.30, KM96.70, KM131.28, KM139.00 DAN KM150.50 Melibatkan 3 kontrak berasingan. Status: pembinaan	65,000,000
16	PEMBAIKAN CERUN-CERUN JALAN SANDAKAN - TELUPID (LALUAN PERSEKUTUAN 22) PAKEJ 3 Status: Siap (proses penutupan akaun)	61,200,000
17	NAIKTARAF JALAN PAPAR DARI BULATAN PAPAR KE BULATAN BENOMI, Sabah Status: Peringkat melantik kontraktor	55,000,000
18	PEMBAIKAN CERUN-CERUN - JALAN TAMPARULI KE RANAU (LALUAN PERSEKUTUAN 22) PAKEJ 9 Status: Siap (proses penutupan akaun)	47,908,000
19	NAIKTARAF JALAN KEPAYAN DARI JAMBATAN PETAGAS MENGHALA KE PERSIMPANGAN LOK KAWI FASA 1C Status: Makmal Pengurusan Nilai	32,000,000
20	PEMBAIKAN CERUN-CERUN JALAN MEROTAI KE KALABAKAN PAKEJ 2 Tarikh Mula: Jan 2016 Tarikh Rancang Siap: April 2017 Kontraktor: Pemborong Samundu Sdn. Bhd.	26,100,000

BIL	NAMA PROJEK	KOS KESELURUHAN (RM)
21	MENGGANTIKAN JAMBATAN (SG.PADAS) KM164.03 JALAN KOTA KINABALU - TENOM, TENOM (FS500/164/03) Status: Peringkat lantikan Juru Perunding Reka Bentuk	25,000,000
22	PEMBAIKAN CERUN-CERUN JALAN KOTA BELUD - KUDAT (LALUAN PERSEKUTUAN 1) PAKEJ 2 Status: Peringkat perolehan	14,971,082
23	PEMBAIKAN CERUN JALAN TAMPARULI - RANAU (LALUAN PERSEKUTUAN 22) Tarikh Mula: April 2016 Tarikh Rancang Siap: April 2017 Kontraktor: Kumpulan Kemajuan (Sabah) Sdn. Bhd.	14,710,000
24	NAIKTARAF JALAN TAWAU - SEMPORNA DARI PERSIMPANGAN LAPANGAN TERBANG TAWAU KE PEKAN SEMPORNA (REKABENTUK)	14,500,000
25	MENGGANTIKAN JAMBATAN KM1.67 JALAN KOTA KINABALU - KUDAT - KOTA KINABALU (FSU01/011/67) Status: Peringkat lantikan Juru Perunding Reka Bentuk	12,000,000
26	MENGGANTIKAN JAMBATAN (SG. KANANAPON), KM87.78 JALAN TAMPARULI - SANDAKAN, RANAU (FS022/087/78) Status: Peringkat lantikan Juru Perunding Reka Bentuk	5,500,000
	JUMLAH	1,195,972,094

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 23 MEI 2016
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara terperinci statistik jumlah warga asing yang menjalankan perniagaan kecil dan apakah tindakan bagi mengatasi lambakan perniagaan warga asing ini terutamanya Indonesia dan Myanmar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam mengawal perniagaan kecil yang dijalankan oleh warga asing, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan pekeliling mengenai Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Antara kandungan pekeliling ini adalah:

- i. Permit perniagaan kecil hendaklah dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja; dan
- ii. Pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga pada sepanjang masa.

Tindakan membatalkan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing. Manakala bagi peniaga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen, PBT akan terus menyita serta merampas barang jualan serta merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu. Dalam hubungan itu, bagi memastikan isu perniagaan kecil yang dijalankan oleh warga asing ini tidak

merebak secara berterusan dan dibanteras secara berkesan, KPKT dengan kerjasama PBT serta agensi Kerajaan yang lain seperti pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan meningkatkan penguatkuasaan dengan membuat operasi dan pemeriksaan mengejut di lokasi-lokasi penjaja di seluruh negara dari semasa ke semasa.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 58 PBT seluruh negara sepanjang tahun 2015, tindakan penguatkuasaan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN), PDRM dan JIM yang telah diambil terhadap peniaga-peniaga kecil yang tidak mengikut peraturan dan perundangan termasuk menjual atau menyewa tapak penjaja kepada warganegara asing atau perniagaan tanpa lesen di kalangan warga asing mengikut kategori adalah seperti berikut:

i.	Bilangan lesen yang dibatalkan	–	431
ii.	Bilangan operasi yang dijalankan	–	1,500
iii.	Bilangan Rampasan/ Sitaan	–	1,971

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016